

Paras air masih rendah

Kebanyakan kawasan didapati surut, kering dan tebing merekah

AMRULLAH ABDUL KARIM

KUALA KUBU BHARU

- Paras air Empangan Sungai Selangor masih pada tahap rendah dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan walaupun hujan kerap.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kebanyakan kawasan surut dan kering di mana tebing-tebing empangan jelas kelihatan dan merekah.

Manakala, keadaan di bawah jambatan menuju ke Bukit Fraser berdekatan Kampung Orang Asli Pertak yang sebelum ini dipenuhi air bukan saja kering malah dasarnya ditumbuhi rumput.

Seorang penduduk, Abdul Halim Zainal Abidin, 42, berkata, fenomena itu sangat mengejutkan kerana dia sen-



Keadaan tebing Empangan Sungai Selangor yang jelas memperlihatkan paras air masih rendah.

diri tidak pernah melihat atau mendengar berita mengenai keadaan tersebut.

"Saya sendiri terkejut mendengar berita ini dan bila tengok sendiri keadaan benar-

benar berlaku.

"Air susut dan kering di beberapa kawasan sehinggakan

jelas kelihatan pulau kecil di tengah-tengah empangan yang sebelum ini langsung tak pernah kelihatan," katanya.

Menurutnya, keadaan itu sedikit mencemaskan kerana jika benar berlaku kekurangan sumber bekalan air maka seluruh penduduk sekitarnya akan menerima kesan.

Katanya, walaupun musim tengkujuh ketika ini, namun keadaan tidak sedikit pun berubah malah paras air empangan dilihat seakan bertambah susut.

Sinar Harian cuba mendapatkan komen daripada wakil penduduk Orang Asli berdekatan namun gagal kerana kebanyakan mereka tidak ada di rumah.

Namun, difahamkan keadaan itu sesuatu yang biasa

berlaku setiap kali memasuki musim tengkujuh.

Menurut sumber penduduk Orang Asli berkenaan, setiap kali tiba musim hujan air empangan dikeringkan bagi mengelak limpahan air yang datang dari hulu.

Bagaimanapun, sejauh mana kebenaran maklumat itu tidak dapat disahkan dan penduduk hanya melihatnya pada sesuatu masa tertentu.

Menurut penduduk lagi, mereka sering menangkap ikan di anak sungai yang mengalir ke dalam empangan di laluan perkampungan mereka namun, jika tiba musim tengkujuh mereka tidak dapat mengutip hasil ikan di kawasan itu kerana air cetek sementara tebing ditumbuhi semak.